

Jangan benar kegiatan sabotaj ekonomi negara

UM-16/08/03.

MUAR 15 Ogos — Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini menggesa masyarakat luar bandar jangan membenarkan kumpulan tertentu bertindak di luar batasan undang-undang termasuk mensabotaj ekonomi negara.

Beliau meminta pemimpin bawahan termasuk ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) memberi penjelasan terhadap isu-isu semasa kepada rakyat agar mereka tidak terkeliru.

“Kita tidak boleh membiarkan kelompok tertentu bertindak di luar batas undang-undang termasuk mensabotaj ekonomi dan cuba menimbulkan huru-hara,” katanva ketika berucap merasmikan majlis taklimat keselamatan dan isu-isu semasa peringkat daerah Muar di Dewan Sri Pekembar, Pagoh di sini hari ini.

Beliau mengingatkan, segala kemajuan dan pem-

ban&man yang telah dicapai oleh negara sejak merdeka, 46 tahun lalu akan musnah, jika rakyat membenarkan kelompok berkenaan bertindak sesuka hati.

Muhyiddin menegaskan, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mempunyai pendirian tegas dan tidak bersejua dengan sebarang tindakan ganas walaupun ia dilakukan sebagai menunjukkan rasa tidak puas hati terhadap penindasan kuasa tertentu ke atas umat Islam.

Katanya, disebabkan perbuatan seorang dua umat Islam yang tidak berpuas hati merosakkan harta benda dan nyawa manusia, Islam telah kini dilabel sebagai pengganas.

“Justeru, pemimpin akar umbi perlu memberi penjelasan kepada rakyat supaya mereka tidak terkeliru dan tidak membiarkan perkara seumpama itu berlaku,” ujarinya. Muhyiddin yang juga

pengalaman *terdahulu kerana gaya hidup generasi masa kini sudah jauh berbeza sama ada dari segi pencapaian pendidikan mahupun kehendak mereka yang lebih kompleks.

Oleh itu, katanya, pemimpin akar umbi memerlukan maklumat yang lengkap yang boleh digunakan bagi melayani golongan ini supaya dapat memainkan peranan meneruskan matlamat Wawasan 2020.

Muhyiddin menyarankan golongan pemimpin berkenaan lebih kerap mengadakan dialog bagi mengatasi pelbagai masalah rakyat di luar bandar selain menyampaikan maklumat lebih tepat kepada kumpulan sasar.

Beliau menegaskan rakyat di negara ini patu bersyukur kerana mempunyai sistem Parlimen yang luar biasa berbanding negara lain.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata, sebagai pemimpin di peringkat akar umbi, mereka memerlukan keupayaan dan kemahiran baru untuk menangani masalah masyarakat luar bandar.

Katanya, mereka tidak boleh lagi menggunakan